

Najib ingatkan masyarakat Sikh tentang sumbangan BN menjelang PRU13
Malaysian Insider
April 14,2013
Oleh Syed Jaymal Zahiid

PETALING JAYA, 14 April — Datuk Seri Najib Razak hari ini mengingatkan masyarakat Sikh sumbangan Barisan Nasional (BN) kepada mereka termasuk peruntukkan wang berkala dan menggesa mereka mengundi gabungan tersebut menjelang Pilihan Raya 2013.

Pada sambutan Amid Vaisakhi disini, perdana menteri kerajaan sementara tersebut berkata pengagihan wang kepada badan bukan kerajaan yang mewakili masyarakat tersebut adalah bukti kerajaannya menghargai

pengundi kumpulan tersebut yang terdiri kurang lima peratus daripada jumlah pengundi.

"Hari ini, apabila saya melawat anda disini, saya tunjukkan kepada anda, saya lakukan apa yang saya kata. Saya adalah perdana menteri kepada semua rakyat Malaysia," kata beliau kepada ratusan hadirin yang hadir di gurdawara tempatan disini.

"Ini membuktikan kita mengamalkan polisi inklusif yang menekankan prinsip 1 Malaysia. Ia bukan hanya untuk majoriti, ia bermakna masyarakat kecil seperti Sikh akan menikmati manfaatnya," tambah beliau.

Sejak 2008 hingga sekarang, Najib berkata kerajaan BN telah memberikan sebanyak RM21 juta kepada organisasi yang mewakili masyarakat Sikh.

Kerajaannya juga membantu lebih banyak pembinaan gurdawara dan pusat pembelajaran bahasa Punjabi, disamping beberapa perlantikan beberapa Sikh yang memegang kedudukan tinggi dalam kerajaan.

Najib berkata semua menunjukkan keikhlasan BN yang berusaha untuk menjaga masyarakat minoriti dan pada masa sama gabungan tersebut mengiktiraf sumbangan Sikh kepada negara.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-ingatkan-masyarakat-sikh-tentan-g-sumbangan-bn-menjelang-pru13/>